



PARLIMEN MALAYSIA
BANGUNAN PARLIMEN
JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

DOKUMEN SEBUT HARGA

SEBUTHARGA NO : PAR.2/367 SH.31/2025

TAJUK KERJA

**KERJA-KERJA SERVIS DAN SENGARAAN SECARA KOMPREHENSIF
SISTEM AUTOMASI BANGUNAN (BAS) DI BLOK UTAMA, BANGUNAN
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR.**

TARIKH TUTUP : 28 NOVEMBER 2025

Nama Kontraktor :

Alamat:

.....

.....

Kelas :Tempoh Daftar :

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tanda ☐ bagi dokumen-dokumen yang disertakan

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
1.	Dokumen No. 1: Arahan Kepada Penyebutharga		
2.	Dokumen No. 2: Syarat-Syarat Sebut Harga Untuk Kerja		
3.	Dokumen No. 3 : Technical Specifications		
4.	Dokumen No.4 : Schedule Of Prices		
5.	Dokumen No. 5: Summary Of Prices		
6.	Dokumen No. 6 : Ringkasan Jadual Harga		
7.	Dokumen No. 7 : Borang Sebut harga Kerja & Surat Akuan Pembida		
8.	Dokumen No. 8 : Keterangan Mengenai Penyebutharga		
9.	Dokumen wajib yang perlu dilampirkan bersama:		
	(i) Profil Syarikat beserta rekod pengalaman bekerja yang lepas dan semasa		
	(ii) Salinan Penyata Bank tiga (3) bulan terkini Ogos, September & Oktober 2025. *sila pastikan dokumen tersebut mendapat pengesahan dari bank berkaitan.		
	(iii) Salinan bukti surat tawaran kerja dan bukti siap kerja yang berkaitan dengan sebutharga ini		
	(iv) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) – Surat Kebenaran Khas CIDB adalah TIDAK DIBENARKAN		
	(v) Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)		

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
	(vi) Salinan Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) – jika ada		
	(vii) Salinan Sijil SSM		
	(viii) Brosur Katalog Produk		
	(ix) Surat Lantikan <i>Paint Applicator</i> yang bertauliah		
	(x) Salinan Surat Pendaftaran dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di bawah Cukai Perkhidmatan / SST (jika ada)		
	(xi) Sijil <i>product and performance warranty</i> cat daripada pihak pembekal dan kontraktor (<i>applicator</i> bertauliah)		
	(xii) Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Perdagangan Orang Dan Buruh Paksa		
	(xiii) Borang Pemberitahuan Pemunya Benefisial		
	(xiv) TCC (Tax Compliance Certificate)		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.			UNTUK KEGUNAAN JABATAN Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada)		
Tandatangan	:		Tandatangan	:	
Nama	:		Nama	:	
Jawatan	:		Jawatan	:	
Tarikh	:		Tarikh	:	
			Tandatangan	:	
			Nama	:	
			Jawatan	:	
			Tarikh	:	

KERAJAAN MALAYSIA**PARLIMEN MALAYSIA****DOKUMEN SEBUT HARGA**

**KERJA-KERJA SERVIS DAN SENGARAAN SECARA KOMPREHENSIF
SISTEM AUTOMASI BANGUNAN (BAS) DI BLOK UTAMA, BANGUNAN
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

JADUAL KANDUNGAN

PERKARA	NO DOKUMEN	MUKA SURAT
ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA	1	6-14
SYARAT-SYARAT AM	2	15-21
DOKUMEN NO. 3 : TECHNICAL SPECIFICATIONS	3	22-29
DOKUMEN NO.4 : SCHEDULE OF PRICES	4	30-33
DOKUMEN NO. 5: SUMMARY OF PRICES	5	34
DOKUMEN NO. 6 : BORANG SEBUT HARGA KERJA & SURAT AKUAN PEMBIDA	6	35-38
DOKUMEN NO. 7 : KETERANGAN MENGENAI PENYEBUTHARGA	7	39-44
DOKUMEN NO. 8 : BORANG PEMBERITAHUAN PEMUNYA BENEFISIAL & SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA	8	45-46

DOKUMEN NO. 1

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA: PAR.2/367 SH.31/2025

**KERJA-KERJA SERVIS DAN SENGARAAN SECARA KOMPREHENSIF
SISTEM AUTOMASI BANGUNAN (BAS) DI BLOK UTAMA, BANGUNAN
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

1. Tawaran adalah dipelawa Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan Kod Bidang Pendaftaran (Bekalan Dan Perkhidmatan) seperti berikut :-

Gred	G2/G3/G4/G5/G6
Kategori	ME
Pengkhususan	M04 (Sistem Automasi Bangunan)

Yang mana pendaftaranya masih lagi berkuatkuasa, mempunyai alamat pendaftaran di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Negeri Selangor** adalah layak membuat tawaran bagi sebut harga berikut :-

**KERJA-KERJA SERVIS DAN SENGARAAN SECARA
KOMPREHENSIF SISTEM AUTOMASI BANGUNAN (BAS) DI BLOK
UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

2. Lawatan tapak adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam iklan sebutharga. Penyebut harga adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri lawatan tapak tersebut pada masa dan tempat yang telah ditetapkan. Kegagalan penyebut harga untuk menghadiri lawatan tapak akan menyebabkan penyebut harga gagal untuk memasuki sebutharga tersebut.

3. Penyebut harga hendaklah menyerahkan sampul tawaran sebut harga **secara manual** ke dalam peti sebut harga pada atau sebelum **28hb November 2025 (Jumaat)** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran yang diterima selepas dari tarikh dan masa akan **ditolak**. Sampul hendaklah dilabelkan dengan nombor sebut harga dan nombor tawaran sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga **No.1 No. Sebut Harga PAR.2/367 SH.31/2025** di Seksyen Kewangan dan Akaun, Aras Aras 4, Blok Ahli Parlimen Dan Pentadbiran, Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur.

4. Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan. Kerajaan tidak bertanggungjawab di atas apa-apa kehilangan dokumen semasa perjalanan pos/perkhidmatan hantar cepat (*courier service*) dan sebagainya.

5. Tawaran sebut harga yang dikemukakan adalah diwajibkan mengandungi dokumen-dokumen berikut:-
 - a) Technical Spesification Dokumen No. 3
 - b) Scdule Of Prices Dokumen No. 4
 - c) Summary Of Prices Dokumen No. 5
 - d) Borang Sebut Harga &
Surat Akuan Pembida Dokumen No. 6
 - e) Keterangan Mengenai Penyebut Harga Dokumen No. 7
 - f) Borang Pemberitahuan Pemunya Benefisial Dokumen No. 8
& Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah
Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa
 - g) Dokumen yang perlu dilampirkan bersama:
 - (i) Profil Syarikat;
 - (ii) Salinan Penyata Bank tiga (3) bulan terkini
 - (iii) Salinan sijil pendaftaran Kementerian Kewangan, CIDB & BPKU
 - (iv) Surat Lantikan *Paint Applicator* yang bertauliah
 - (v) Brosur produk yang berkaitan

- (vi) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK);
- (vii) Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);
- (viii) Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja);- jika ada
- (ix) Salinan Sijil SSM;
- (x) Sijil *product and performance warranty* cat daripada pihak pembekal dan kontraktor (*applicator* bertauliah)

Semua borang hendaklah diisi dengan lengkap seperti yang ditentukan dan ditaip dengan kemas dan terang. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, penyebut harga dibenarkan menaip maklumat-maklumat di muka surat tambahan.

6. Dokumen tawaran sebut harga hendaklah dikemukakan secara manual sebelum waktu dan tarikh tutup yang ditetapkan.
7. Tawaran sebut harga ini sah selama **sembilan puluh (90)** hari dari tarikh tutup bidaan.
8. Penyebut harga yang enggan menandatangani kontrak yang telah disetujui terima atau yang menarik balik tawaran bidaan sebelum dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah tawaran dibuat, akan dikenakan tindakan penggantungan pendaftaran seperti berikut:
 - i) Dua (2) tahun bagi kesalahan pertama;
 - ii) Lima (5) tahun bagi kesalahan kedua; dan
 - iii) Pendaftaran akan dipotong terus bagi kesalahan berikutnya.
9. Penyebut harga yang tawarannya disetujuterima dikehendaki memberi perkhidmatan membekal semua barang tersebut pada tarikh yang ditetapkan oleh Kerajaan atau mana-mana tarikh lain seperti ditentukan oleh Kerajaan. Sekiranya Penyebut harga gagal berbuat demikian, tawaran yang disetujuterima akan dibatalkan dan nama Kontraktor serta nama pengarah-pengarah termasuk pemegang-pemegang saham terbesar akan disenarai hitamkan.

10. Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **90 hari**.
11. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran. Tiada sebarang alasan perlu diberikan oleh Kerajaan untuk sebarang penolakan tawaran. Keputusan mengenai tawaran yang diterima adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan tidak akan dilayan.

12. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

- 12.1 Sebarang perubahan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 12.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 12.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasmi di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 12.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja-kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan

atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694).

13. PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) YANG BERKUATKUASA 1 SEPTEMBER 2018

- 13.1 Semua tawaran harga oleh Pembekal hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran tanpa Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP).
- 13.2 Senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan seperti yang terdapat dalam Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Sekiranya pembekal yang berjaya berdaftar CJCP dan perkhidmatan tersebut adalah termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan, Kerajaan akan menawarkan nilai perolehan termasuk kenaan Cukai Perkhidmatan.
- 13.3 Pembekal hendaklah memaklumkan pada bila-bila masa setelah berdaftar dengan JKDM kepada Kerajaan supaya Cukai Perkhidmatan boleh dibayar. Kegagalan atau kelewatan syarikat untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan syarikat perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan.

14 PELAKSANAAN PROGRAM PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS (PROTEGE) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN (1PP/PK1.2)

- 14.1 Penyebut harga adalah dikehendaki melaksanakan program PROTEGE dalam perolehan kerajaan mengikut had nilai ambang (threshold value) dan sektor seperti berikut :

Bil	Sektor	Nilai Ambang (RM)
1	Pembinaan	10 juta
2	Perkhidmatan / Penyelenggaraan Bangunan / Infrastruktur / Jalan	5 juta
3	Teknologi Informasi dan Komunikasi	10 juta
4	Perkhidmatan Perunding	5 juta
5	Perubatan dan Farmasi	10 juta
6	Perkhidmatan Sokongan	10 juta

Bil	Sektor	Nilai Ambang (RM)
	Kesihatan	
7	Perkhidmatan Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih	10 juta
8	Pengangkutan dan Logistik	10 juta
9	Pertahanan Strategik	10 Juta
10	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	4 juta
11	Sektor Lain	10 juta

- 14.2 Syarikat hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya 1% daripada keseluruhan kos projek bagi melaksanakan program PROTEGE.
- 14.3 Syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan di bawah nilai ambang digalakkan untuk melaksanakan program PROTEGE, namun tidak tertakluk kepada penetapan 1% daripada nilai kontrak keseluruhan.
- 14.4 Penetapan bilangan minimum peserta PROTEGE-RTW bagi sesuatu kontrak dikira berdasarkan formula berikut :

$$\frac{1\% \times \text{Kos Keseluruhan Projek} / \text{Prolehan}}{\text{RM24,000}^*}$$

* Elaun PROTEGE (RM2,000 seorang X 12 bulan)

- 14.5 Syarikat yang mengemukakan sijil atau surat pengesahan daripada Sekretariat PROTEGE, akan diberi **keutamaan** tidak kira sama ada program PROTEGE dilaksanakan bagi perolehan Kerajaan atau program PROTEGE dilaksanakan oleh inisiatif syarikat sendiri.

15. **BON PELAKSANAAN**

- (a) Bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM200,000.00, Kontraktor hendaklah mengemukakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima, Bon pelaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak.

- (b) Kontraktor yang dilantik hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam Ringgit Malaysia dalam bentuk :
- i. Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank/syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
 - ii. jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia;
 - iii. jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
 - iv. jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia; atau
 - v. jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana (SME Bank).

Bon Pelaksanaan dalam bentuk yang tidak dilesenkan di bawah akta seperti di Perkara (b) di atas termasuk di bank pesisir pantai dan bank luar negara adalah tidak dibenarkan.

- (c) Kontraktor boleh memilih kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan. Wang Jaminan Pelaksanaan ialah satu kemudahan bagi memenuhi keperluan Bon Pelaksanaan. Wang Jaminan Pelaksanaan bermaksud sejumlah wang yang dipegang oleh Kerajaan bagi memastikan kontraktor mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak yang ditandatangani.
- i. Jumlah Wang Jaminan Pelaksanaan adalah 5% daripada harga keseluruhan kontrak. Kemudahan ini hanya dibenarkan kepada kontraktor kerja tempatan sahaja. Walau bagaimanapun, Wang Jaminan Pelaksanaan tidak dibenarkan untuk Sub Kontraktor Dinamakan bagi Kerja.

- ii. Kontraktor yang memilih / dikenakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan akan dikenakan potongan sebanyak 10% daripada bayaran kemajuan pertama dan seterusnya sehingga ia mencapai jumlah 5% peratus daripada nilai keseluruhan kontrak.
- (d) Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan bagi perolehan kerja adalah berdasarkan nilai projek seperti berikut :

Nilai Projek	Tempoh Sah Laku Bon Pelaksanaan
Kos Projek sehingga RM10 juta	Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)
Kos Projek melebihi RM10 juta	Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 24 bulan selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)

(e) **LIQUIDATED & ASCERTAINED DAMAGES (LAD)**

- 15.1 Sebaik sahaja arahan dikeluarkan untuk memulakan perkhidmatan, syarikat dikehendaki melaksanakan perkhidmatan tersebut mengikut jadual dan spesifikasi yang telah ditetapkan.
- 15.2 Sebarang kegagalan syarikat dalam mematuhi perkara tersebut (lewat/gagal/kurang kualiti atau lain-lain) boleh mengakibatkan tindakan diambil ke atas syarikat dengan pengenaan LAD, Denda atau Tolakan mengikut formula berikut :

$$(PR / 365 \text{ hari}) \times \text{nilai kontrak}$$

- 15.3 Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Kerajaan dengan menggunakan formula di atas.

16. **HARGA INDIKATIF JABATAN**

16.1 Harga Indikatif Jabatan bagi sebut harga ini adalah Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Tiga Puluh Enam Ribu Sahaja (RM336,000.00)

16.2 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

16.3 Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

17. LEVI

Semua tender/sebut harga yang bernilai RM500,000 ke atas, levi sebanyak 0.25% daripada nilai harga kontrak akan dikenakan ke atas petender yang berjaya, seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 34(2) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 1994 (Akta 520).

DOKUMEN NO.2**SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh pembida.

1. HARGA

Harga belian yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun, kos penghantaran, kos pemasangan dan kos membuka.

2. TEMPOH MENGEMUKAKAN TUNTUTAN BAYARAN

Penyebut harga diberi peringatan supaya mengemukakan tuntutan pembayaran yang lengkap dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pengesahan siap kerja untuk membolehkan bayaran dibuat dengan segera. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan pembayaran kepada **Kontraktor** jika tuntutan pembayaran tidak dihantar dengan segera dalam tempoh 14 hari.

3. PERSETUJUAN

Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima tawaran harga yang terendah atau mana-mana tawaran daripada mana-mana kontraktor.

4. PEMERIKSAAN

Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa bekalan itu semasa atau sebelum pemasangan dibuat atau pada bila-bila masa lain sebelum pentauliahan dan penyerahan sistem tersebut.

5. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa bekalan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut kehendak atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

6. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-seba yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap kontraktor.

7. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsubkan-sewakan Kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah dibawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

8. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

8.1 Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dan jenis piawaian tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

8.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

8.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan didalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

9.0 RINGKASAN SEBUT HARGA

- 9.1 Ringkasan Sebut harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut harga.
- 9.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut harga hendaklah mengambilkira semua kos termasuk pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sempurna.
- 9.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebutharga atau dalam tempoh Kerja.
- 9.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut harga yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunahsabahnya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 9.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut harga dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut harga hendaklah tidak berubah.
- 9.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga diselaraskan.

10.0 PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

10.1 Dokumen Sebut harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen Sebut harga itu.

10.2 Jika kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut harga , maka hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

11.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden;

- a) Sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- b) Kemajuan kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah.
- e) Apabila kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

12.0 PERUBAHAN KERJA

12.1 Perubahan kerja dibenarkan sekiranya perlu tertakluk kepada syarat-syarat berikut;

- a.) Peruntukan mencukupi.
- b.) Kelulusan Jawatankuasa Sebut harga diperolehi dahulu sebelum perubahan kerja dilaksanakan. Seorang daripada ahli Jawatankuasa Sebut harga hendaklah terdiri daripada Pegawai Teknikal.
- c.) Jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 20% daripada nilai kontrak atau tidak melebihi RM100,000 mengikut mana yang terendah. Cadangan perubahan kerja terkumpul melebihi 20% daripada nilai kontrak atau RM 100,000 hendaklah dirujuk kepada kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.

12.2 Pegawai Inden hanya boleh mengeluarkan arahan perubahan kerja sekiranya mendapat kelulusan daripada jawatankuasa sebut harga.

13.0 TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

13.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.

13.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos kontraktor sendiri.

13.3 Sekiranya kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada/tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/ Ketua jabatan, Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

14.0 TUNTUTAN BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga 50% kemajuan kerja siap dilaksanakan. Bayaran akhir/muktamad hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sepenuhnya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-Borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja dan Borang Pengesahan Inden Kerja kepada Pegawai Inden.

15.0 PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

16.0 PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

17.0 PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah memantui segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja.

Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

18.0 TAFSIRAN

Tawaran ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai tawaran bidaan ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

19.0 CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

20.0 MATA WANG

Tawaran bidaan hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

DOKUMEN NO. 3

TECHNICAL SPECIFICATION

**KERJA-KERJA SERVIS DAN SENGARAAN SECARA KOMPREHENSIF
SISTEM AUTOMASI BANGUNAN (BAS) DI BLOK UTAMA, BANGUNAN
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR.****1.0 GENERAL**

The work covered by this Specification is for the supply of all materials, appliances, labour and necessary incidentals for the comprehensive service and maintenance of the complete BAS System.

All work to be performed under this Specification shall be in accordance with the best commercial practice and must be in strict accordance with this specification.

2.0 WORKMANSHIP AND MATERIALS

The work described in this Specification shall be performed by workmen skilled in the service, maintenance and repair of the BAS System and shall be executed in accordance with the best commercial practice.

All materials to be supplied in connection with work under this Specification shall be new and unused, and shall generally be of the best quality as regards manufacture and performance.

3.0 SUPERVISION

The Contractor shall have an experience Engineer in charge of the service, maintenance and repair work to be carried out under this Specification. This Engineer must be thoroughly competent in supervising the service, maintenance and repair of BAS of all types and shall be in the direct employ of the Contractor, and acceptable to the Superintending Officer.

The Contractor shall have in his direct employ workmen who are especially skilled in the service, maintenance and repair of BAS of all types.

4.0 SCOPE OF WORK

